

Fasa satu MRT SBK beroperasi 16 Disember



Mohd Azharuddin (kiri) di hadapan bas perantara MRT pada taklimat media MRT Fasa 1 Sungai Buloh - Kajang di Stesen MRT Sungai Buloh, semalam.

➔ Perjalanan babitkan stesen Sungai Buloh hingga Semantan

Oleh Nurul 'Aniqah Sazale
bhnews@bh.com.my

► Sungai Buloh

Fasa satu perkhidmatan Mass Rapid Transit (MRT) Sungai Buloh - Kajang (SBK) akan memulakan operasi pada 16 Disember ini membabitkan perjalanan dari stesen Sungai Buloh hingga stesen Semantan di Damansara, di sini.

Laluan sepanjang 24 kilometer akan melalui stesen Kampung Selamat, Kwasa Damansara, Kwasa Sentral, Kota Damansara, Surian, Mutiara Damansara, Bandar Utama, Taman Tun Dr Ismail, Phileo Damansara, Pusat Bandar Daman-

sara dan Semantan.

Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Mohd Azharuddin Mat Sah, berkata sepanjang laluan berkenaan terdapat tiga stesen pertukaran untuk pengangkutan awam lain.

“Di stesen MRT Sungai Buloh akan ada pertukaran kepada perkhidmatan KTM, sementara di stesen Kwasa Damansara ia bakal menghubungkan pengguna dengan hub bersepadu membabitkan beberapa pengangkutan awam, manakala di Bandar Utama pula akan diadakan pertukaran kepada Sistem Transit Aliran Ringan (LRT 3) pada masa akan datang.

“Bagi memudahkan pengguna, sebanyak 112 bas perantara disediakan dengan 26 laluan di sekitar 12 stesen berkenaan,” katanya pada sidang media di sini, semalam.

Jarak laluan bas pengantara

Katanya, bas perantara itu akan melalui kawasan perumahan sekitar 10 kilometer dari setiap stesen dengan jarak keseluruhan laluan bas perantara adalah 256.3 kilometer.

“Dengan adanya bas perantara yang masuk ke kawasan perumahan, kami berharap orang ramai akan menggunakan perkhidmatan MRT dan meninggalkan kereta di rumah.

“Walaupun perkhidmatan MRT hanya sehingga stesen Semantan, kami turut menyediakan bas perantara untuk ke KL Sentral dan kadar kekerapan perkhidmatan bas perantara adalah antara 10 hingga 15 minit dengan kadar tambang RM1,” katanya.

Azharuddin berkata, SPAD amat positif dengan perkembangan perkhidmatan MRT dan melalui pembukaan perkhidmatan ini diharap penduduk sekitar dapat memanafaatkannya.

“Pengendali MRT turut membeli sebanyak 300 bas lagi untuk kegunaan dan kemudahan orang ramai bagi menggalakkan mereka menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam,” katanya.

Info

Waktu operasi MRT

➔ Waktu Operasi: 6 pagi hingga 12 tengah malam.

➔ Kekerapan tren: 10 minit

Laluan bas perantara

➔ Sungai Buloh: Hospital Sungai Buloh, Bukit Rahman Putra, Kampung Paya Jaras Hilir dan Damansara Damai.

➔ Kampung Selamat: Kg Paya Jaras Dalam.

➔ Kwasa Damansara: Seksyen 7 dan 8 Kota Damansara.

➔ Kwasa Sentral: Subang Bestari, Seksyen 6 Kota Damansara, Subang Perdana.

➔ Kota Damansara: Seksyen 5 dan 4 Kota Damansara.

➔ Surian: Mutiara Damansara dan Seksyen 11 Kota Damansara.

➔ Mutiara Damansara: Damansara Persada dan Bukit Lanjan.

➔ Bandar Utama: Kolej Bandar Utama, TTDI North dan Kampung Penchala.

➔ Taman Tun Dr Ismail: SS 22 Petaling Jaya dan Taman Tun Dr Ismail.

➔ Phileo Damansara: Universiti Malaya dan SS 22 Petaling Jaya.

➔ Pusat Bandar Damansara: Mid Valley, Sri Hartamas, KL Sentral dan Menara DBKL.

➔ Semantan: Kompleks Mahkamah Jalan Duta.